

D897

U B222 AAB  
MAHATHIR - KUALITI

KUALA LUMPUR, 9 NOV (BERNAMA) -- LEBIH BANYAK PEKERJA AKAN DIBERI PELUANG MENGIKUTI LATIHAN DI PUSAT-PUSAT BINA SEMANGAT YANG BERTUJUAN MEMBENTUK PERIBADI DAN BUDAYA YANG SESUAI DI KALANGAN MEREKA DENGAN MENGUTAMAKAN KUALITI DALAM PEKERJAAN.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN TELAH MEMINTA KEMENTERIAN KEWANGAN MENYEDIAKAN PERUNTUKAN KHAS BAGI MEMBINA LEBIH BANYAK PUSAT BINA SEMANGAT KHUSUS UNTUK MELATIH MEREKA.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH +KUALITI PERDANA MENTERI+ DI SINI, BELIAU BERKATA PUSAT BINA SEMANGAT YANG ADA HANYA DAPAT MEMBERI LATIHAN KEPADA 9,000 PEKERJA SETAHUN SEDANGKAN JUMLAH PEKERJA JAUH LEBIH BESAR.

KATANYA, PENYEDIAAN KURSUS MENGENAI KUALITI DALAM PEKERJAAN AKAN MEMBERI LEBIH KEFAHAMAN KEPADA PEKERJA TENTANG PENTINGNYA DIPELIHARA DAN DITINGKATKAN KUALITI.

+KERAJAAN JUGA MERANCANG UNTUK MENCARI LEBIH RAMAI PAKAR DALAM BIDANG PSIKOLOGI DAN SEBAGAINYA UNTUK DITEMPATKAN DI PUSAT-PUSAT BERKENAAN UNTUK MEMASTIKAN PROGRAM INI LEBIH BERKESAN+, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1434MST 09 11 90

D898

U B223 AAB  
MAHATHIR - KUALITI 2 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA PADA MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MENYATAKAN BAHAWA LATIHAN YANG DISEDIAKAN DI PUSAT-PUSAT BINA SEMANGAT ITU MERUPAKAN ANTARA USAHA KHUSUS KERAJAAN MENENTUKAN NILAI YANG PATUT DISEMAI DI KALANGAN PEKERJA.

BELIAU MENGGESA PELBAGAI PIHAK MEMBERI TUMPUAN YANG SAMA KEPADA SOAL PEMBENTUKAN SIKAP SEBAGAI PELABURAN YANG MEMBAWA HASIL DALAM JANGKA PANJANG.

INI KERANA GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG BUKANLAH KEMPEN YANG SINGKAT TETAPI MERUPAKAN PROSES YANG MELIBATKAN MARUAH DIRI, KELUARGA, ORGANISASI, MASYARAKAT DAN NEGARA UNTUK MENCAPAI KUALITI KEHIDUPAN YANG CEMERLANG, KATANYA.

BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG YANG DIBENTUK JULAI LEPAS HENDAKLAH MEMIKIRKAN CARA YANG DINAMIK UNTUK MENJAYAKAN GERAKAN KUALITI DI SELURUH NEGARA.

+KITA PERLU MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA KUALITI DALAM APA JUA KERJA YANG KITA BUAT SAMA ADA PERKHIDMATAN, PENGURUSAN ATAU PEMBUATAN DAN KITA MEMERLUKAN KAWALAN KUALITI YANG MENYELURUH DI PERINGKAT SYARIKAT DAN NEGARA+, KATANYA. -- LAGI.

1456MST 09 11 90

U B224 AAB  
MAHATHIR - KUALITI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KEPERLUAN YANG PENTING DALAM PEMBINAAN SUATU BUDAYA KERJA YANG BERKUALITI DAN CEMERLANG IALAH SIKAP. DAN SIKAP INI BERGANTUNG KEPADA NILAI HIDUP YANG DIPEGANG OLEH SESEORANG.

+JIKA KITA MENGHARGAI NILAI YANG MULIA SEPERTI AMANAH, BERTANGGUNGJAWAB, KERAJINAN DAN LAIN-LAIN DAN KITA MENGAMALKANNYA MAKA KITA AKAN MEMPUNYAI SIKAP YANG SESUAI UNTUK KEJAYAAN,+ KATA BELIAU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, SIKAP YANG SESUAI TIDAK WUJUD DENGAN SENDIRINYA KERANA ITU JIKA INGIN MENJAYAKAN CITI-CITA KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI, USAHA PERLU DIBUAT UNTUK MEMBENTUK SIKAP POSITIF MELALUI AMALAN NILAI-NILAI MULIA DI KALANGAN SELURUH MASYARAKAT.

BELIAU BERKATA DALAM USAHA MENINGKATKAN MUTU KERJA, SESEORANG PEKERJA HENDAKLAH MENGANGGAP PEKERJA LAIN YANG AKAN MENERIMA HASIL KERJANYA, SEBAGAI +PELANGGAN.+

+INI BERMAKNA JIKA KITA BEKERJA SEBAGAI PEKERJA BARISAN PEMASANGAN, MAKA KERJA YANG KITA BUAT MESTILAH BERKUALITI SUPAYA PEKERJA YANG AKAN MENERIMA HASIL KERJA KITA TIDAK MENDAPATI APA-APA KECACATAN, KERANA IA ADALAH PELANGGAN KITA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, JIKA KONSEP ITU DITERIMA MAKA KUALITI AKAN DIJAGA SEPANJANG MASA DAN SUDAH TENTU, KEMUNGKINAN HASIL KERJA YANG cacat dapat dikurangkan sehingga sifar. -- LAGI.

1510MST 09 11 90

U B225 AAB

**MAHATHIR - KUALITI 4 KUALA LUMPUR**

DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENINGATKAN PENTINGNYA KUALITI BARANGAN TEMPATAN SENTIASA DIPELIHARA UNTUK MENGHADAPI SAINGAN ANTARABANGSA. KATANYA +HANYA KUALITI YANG TINGGI DENGAN HARGA YANG SEDERHANA BOLEH MENOLONG NEGARA BERSAING DENGAN JAYANYA DALAM PASARAN DUNIA.+

KATANYA, BARANG-BARANG HASIL KERJA TEMPATAN MESTILAH MENEPAI KEHENDAK PELANGGAN DENGAN BERPANDUKAN SLOGAN +PELANGGAN SENTIASA BETUL.+

OLEH ITU, KATANYA, MENJADI HARAPAN KERAJAAN AGAR SETIAP PEKERJA DI SEKTOR AWAM DAN SWASTA AKAN LEBIH KOMITED KEPADA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA UNTUK MEMENUHI MATLAMAT PENCAPAIAN KUALITI DALAM SEMUA URUSAN DAN KERJA.

ANUGERAH KUALITI BAGI SEKTOR AWAM DIMENANGI OLEH PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI JOHOR, BAGI SEKTOR SWASTA DIMENANGI OLEH SYARIKAT INTEL TECHNOLOGY SDN BHD MANAKALA SEKTOR SOSIAL OLEH PERSATUAN KANAK-KANAK TERENCAT AKAL SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN. -- BERNAMA.

1512MST 09 11 90